

KEDUDUKAN ANAK YANG DILAHIRKAN LEBIH DARIPADA ENAM BULAN
QAMARIAH DALAM SESUATU PERKAHWINAN

Anak yang dilahirkan lebih daripada enam bulan Qamariah dari tarikh sesuatu pasangan itu diakadnikahkan ialah anak sah taraf.

Bertarikh 2 Januari 2001.

Dated 2 January 2001.

[PMWP/100/20; PN(PU²)530/II]

DATO' MD. HASHIM BIN YAHAYA
Mufti,
*Wilayah-Wilayah Persekutuan/
Federal Territories*

(Lampiran 14)

P.U. (B) 7.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, menurut subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], selepas dibincangkan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak, dan adalah disiarkan menurut subseksyen itu.

JADUAL/SCHEDULE

KEDUDUKAN ORANG YANG DINAMAKAN OLEH SI MATI SEBAGAI PENAMA

Orang Islam yang dinamakan sebagai penama oleh si mati dalam apa-apa skim simpanan wang dalam mana-mana Kumpulan Wang Simpanan, insurans, tabung, lembaga, syarikat kerjasama, koperasi atau institusi kewangan ialah wasi kepada si mati dan hendaklah membahagikan harta peninggalan si mati kepada waris yang berhak mengikut pembahagian faraid.

Bertarikh 2 Januari 2001.

Dated 2 January 2001.

[PMWP/100/20; PN(PU²)530/II]

DATO' MD. HASHIM BIN YAHAYA
Mufti,
*Wilayah-Wilayah Persekutuan/
Federal Territories*